

Redzuan tegur Zuraida propemaju

■ KUALA LUMPUR 12 SEPT.

MENTERI Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Mohd. Yusof menyuarakan kebimbangan terhadap cadangan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin yang dilaporkan mahu menganjurkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) untuk warga China dan Hong Kong.

Katanya, tindakan tersebut hanya akan menjadikan harga rumah di negara ini semakin melonjak naik dan jauh daripada kemampuan pembeli warga tempatan.

Sedangkan, tegas beliau, fokus kementerian seharusnya kepada keupayaan rakyat tempatan untuk membeli rumah mampu mi-



ZURAIDA



MOHD. REDZUAN

lik dengan menggalakkan pemaju mencari jalan menurunkan harga sehingga berpatutan.

"Pasaran sepatutnya terbuka tanpa campur tangan kerajaan. Pemaju buat spekulasi dan ambil risiko. Pembangunan perumahan berasaskan tanah. Dengan membenarkan pembelian dari warga asing China, nilai tanah kita tidak mampu dibeli oleh warga tempatan akibat kenaikan

terus menerus harga rumah.

"Contohnya di Johor Bahru apabila pemaju cenderung membina rumah untuk warga Singapura. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan propemaju," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Zuraida dilaporkan mahu menganjurkan HOC khas bagi pembeli dari China dan Hong Kong sebagai jalan keluar untuk menyelesaikan masalah unit kediaman mewah yang belum dijual sehingga mencecah nilai berjumlah RM100 bilion.

Sementara itu, Zuraida berkata, cadangan HOC itu terbuka kepada rakyat negara lain dan tidak terhad kepada warganegara China dan Hong Kong sahaja.